

24/10/1998

Program kemahiran diutamakan

Rosmin Darus; Khairana Sabtu

BELANJAWAN 1999 yang dibentangkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, turut memberi perhatian dan mengiktiraf fungsi wanita dalam pembangunan ekonomi negara. Berdasarkan penyertaan wanita di bidang itu yang kian meningkat, usaha perlu bagi melengkapkan golongan itu dengan kemahiran dan pengetahuan di bidang teknikal.

Untuk itu, institusi latihan sektor awam dan swasta diminta meningkatkan pengambilan wanita bagi menjalani latihan di bidang perindustrian, kemahiran dan teknologi terkini selaras dengan keperluan industri. Ini kerana kerajaan melihat pentingnya wanita dilatih secara berterusan, khususnya bagi yang ingin kembali aktif bekerja atau mahu meningkatkan potensi.

Bagi tujuan ini, kerajaan menyediakan peruntukan RM50 juta sebagai bantuan sokongan kepada program latihan itu.

Pertubuhan wanita menyambut baik cadangan Perdana Menteri itu, bagaimanapun, berharap peruntukan diagihkan dengan adil kepada program kemahiran yang menumpukan sektor perindustrian dan teknologi.

Naib Pengerusi Majlis Penasihat Kebangsaan Bagi Integrasi Wanita Dalam Pembangunan (Naciwid), Puan Sri Dr Fatimah Hamid Don, berharap peruntukan itu disalurkan kepada program yang boleh mendatangkan manfaat secara menyeluruh kepada wanita.

Katanya, program itu juga perlu memberi tumpuan kepada wanita menganggur.

"Kami berharap peruntukan itu digunakan sepenuhnya untuk kegiatan yang mampu memberikan faedah kepada semua wanita di negara ini."

"Malah, kami berpendapat pertubuhan wanita perlu memperbanyakkan program membantu wanita yang menganggur serta lepasan universiti yang belum mendapat pekerjaan."

"Sebagaimana yang disebut Perdana Menteri, tumpuan program perlu diberikan kepada perindustrian dan teknologi," katanya.

Sementara itu Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita (NCWO), mengalu-alukan cadangan kerajaan mempertingkatkan status kehidupan wanita menerusi latihan kemahiran.

Setiausaha Kehormatannya, Ramani Gurusamy, berkata latihan itu sewajarnya memberi keutamaan kepada wanita yang diberhentikan kerja serta mereka yang ingin menyertai semula tenaga kerja selepas melepaskannya untuk memikul tanggungjawab sebagai isteri dan ibu.

"Cuma, kami mengharapkan latihan itu bukan berbentuk stereotaip yang mana kemahirannya khusus untuk wanita saja tetapi diberi peluang mengikuti jenis latihan yang juga disertai lelaki," katanya.

Beliau berkata, cadangan itu perlu kerana bidang pekerjaan yang hanya disertai wanita, lazimnya menerima ganjaran rendah.

Presiden Persatuan Usahawan Wanita Bumiputra Malaysia (Usahanita), Noorazizah Borhan berkata, peruntukan RM50 juta itu perlu dibahagikan mengikut keperluan sektor.

Katanya, kerajaan perlu memastikan sektor yang benar-benar memerlukan latihan kemahiran supaya tidak berlaku pembaziran wang dan tenaga.

"Kerajaan perlu memastikan peruntukan dan program yang dirancang dilaksanakan dengan baik."

"Kita tidak mahu ada peruntukan yang disalurkan pada salah tempat dan akhirnya program itu gagal mendatangkan faedah," katanya.

Manakala Ketua 1 Persatuan Tindakan Wanita Islam (Pertiwi), Datuk Zakiah

Hanum, berkata program pembangunan wanita perlu membabitkan wanita secara menyeluruh.

"Kami berharap peruntukan itu tidak disalahgunakan sebaliknya digunakan untuk faedah semua wanita."

"Begitu juga dengan pengagihannya sebaiknya disalurkan secara adil tanpa sebarang pengaruh tertentu," katanya.

(END)